

21 JAN 1998

Anwar-Ekonomi

ANWAR MINTA PEMIMPIN UMNO TEMUI RAKYAT PERJELAS KEADAAN EKONOMI

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menggesa segenap lapisan pemimpin Umno agar "turun" hingga ke peringkat akar umbi bagi menjelaskan kedudukan ekonomi negara kepada rakyat termasuk langkah pemulihan yang sedang dilaksanakan kerajaan.

Katanya rakyat juga perlu diberi kefahaman dan penjelasan mengenai peranan mereka dalam menghadapi senario ekonomi negara ketika ini.

"Saya yakin akan potensi rakyat kita untuk bukan sahaja memahami (keadaan ekonomi ketika ini) tetapi juga potensi mereka untuk bekerja kuat," katanya dalam ucapan pada majlis berbuka puasa bersama Badan Perhubungan Umno Sabah di sini, malam ini.

Katanya adalah penting segenap lapisan masyarakat memahami bahawa dalam keadaan sekarang, semua orang pasti mengalami sedikit kepayahan.

Beliau juga menyentuh mengenai peningkatan keyakinan di kalangan pelabur asing terhadap Malaysia sejak akhir-akhir ini yang menyaksikan kewujudan pelaburan-pelaburan baru.

"Kita akan mengumumkan pelaburan-pelaburan besar ke negara ini dan semua ini menunjukkan keyakinan yang semakin meningkat (terhadap ekonomi negara)," katanya.

Pertambahan keyakinan di kalangan pelabur asing terhadap Malaysia turut didorong oleh keyakinan sama yang ditunjukkan oleh pemimpin dan rakyat negara ini terhadap kemampuan Malaysia untuk keluar daripada kemelut itu.

"Kita memulakan tradisi yakin di kalangan kita. Kita perlu yakin bahawa kita mampu mengatasi masalah ini jika kita mengambil langkah-langkah yang perlu iaitu dengan memastikan asas ekonomi kita kekal kukuh serta membuat penyesuaian yang sewajarnya," katanya.

Katanya antaranya ialah potongan dalam belanjawan negara bagi memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan kerana jika tidak, negara akan dibebani hutang akibat berbelanja melebihi pendapatan.

"Ada orang bertanya apa hebatnya Malaysia...mereka kata jika negara-negara jiran jatuh merudum, maka kita juga harus merudum sama. Tetapi alhamdulillah, kita dapat bertahan," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah berjaya mengatur dan mempertahankan ekonomi negara sehingga Malaysia mampu berdikari tanpa meminta bantuan negara-negara luar, termasuk daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kata Anwar.

Sambil menjangkakan bahawa ekonomi negara akan pulih lebih awal, Anwar juga menggesa segenap lapisan masyarakat di negara ini agar tidak meremehkan soal kestabilan dan keharmonian dalam negara kerana kemampuan Malaysia berdikari dalam kemelut ekonomi serantau ketika ini adalah berkat kestabilan yang wujud di negara ini.

Malaysia juga, kata Anwar, harus menggunakan kekuatan sendiri termasuk menggunakan matawang ringgit dalam urusan niaga bagi meminimumkan kesan kejatuhan nilai matawang serantau.

Negara juga perlu menjana eksport, mengurangkan pergantungan terhadap import, termasuk dalam keperluan makanan yang sepatutnya boleh dikeluarkan di dalam negara, kata beliau.

"Sekurang-kurangnya komponen makanan ini boleh diterokai. Malaysia mempunyai banyak tanah subur," katanya. -- BERNAMA

JS AKD